

10/11/1999

Dr Ling didakwa bantah akta rasuah

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memberitahu Mahkamah Tinggi, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik membantah keras pengenalan Akta Pencegahan Rasuah yang diluluskan Parlimen pada 1997.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu bercuti di London memberitahunya mengenai aduan beberapa menteri termasuk Dr Ling mengenai peruntukan yang dipertikaikan.

Katanya, peruntukan dipertikaikan itu adalah Seksyen 33 akta berkenaan yang memberi kuasa kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk merampas harta yang diperolehi secara rasuah walaupun ia berlaku selepas beberapa tahun.

"Perdana Menteri yang ketika itu di London meminta saya mengkaji peruntukan yang dipertikaikan itu kerana beberapa ahli Kabinet menghubunginya termasuk Dr Ling.

"Saya memberi jaminan kepada Perdana Menteri bahawa akan mengkaji peruntukan itu lagi bersama BPR dan Peguam Negara. Kemudian, dalam mesyuarat Kabinet, perkara itu dibincangkan secara terang," katanya.

Anwar berkata, Tun Daim Zainuddin dan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob juga marah kepadanya berhubung pengenalan akta baru berkenaan.

"Tun Daim dan Datuk Seri Megat, marah bukan main dengan saya. Malah mereka membuat kenyataan saya begitu bodoh memberi BPR kuasa sebegitu," katanya.

Anwar berkata, sebelum itu BPR ada menjalankan siasatan terhadap Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri pada Ogos tahun lalu.

"Perdana Menteri marah kerana BPR menjalankan siasatan ke atas pegawai Bahagian Penswastaan EPU dan pejabat Ketua Pengarah EPU serta menjumpai wang tunai RM100,000 dalam laci.

"Perdana Menteri menuduh saya secara diam-diam mengizinkan BPR menjalankan siasatan itu dan beliau pernah meneriak kepada saya berhubung siasatan BPR," katanya.

Anwar berkata, dia memberitahu Perdana Menteri tidak ada apa yang perlu ditakutkan berhubung siasatan BPR itu.

Kepada soalan peguam belanya, Christopher Fernando, kenapa Perdana Menteri takut dengan siasatan BPR itu, Anwar menjawab:

"Siasatan itu dijalankan ke atas bahagian penswastaan yang keputusannya dibuat dan diluluskan oleh Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas EPU.

"Berikutan itu, perkhidmatan Ketua Pengarah BPR tidak disambung tetapi Ketua Pengarah EPU dilantik sebagai Gabenor Bank Negara. Ketua Setiausaha Negara diminta untuk mengambil tindakan yang sepatutnya."

Sebelum itu, Anwar memberitahu mahkamah, Perdana Menteri mengarahkan pihak berkuasa menjalankan siasatan terhadap kes surat layang yang sudah ditutup sebelum itu.

Katanya, kes surat layang yang ditutup pada Ogos 1997 dibuka semula selepas Perdana Menteri mendapati dia (Anwar) sudah tidak boleh diharap untuk melindungi keluarga dan kroni Dr Mahathir.

"Perdana Menteri mengarahkan saya menggunakan dana Perbendaharaan untuk membayar ganti rugi tanpa mengikuti prosedur dan audit yang betul. Tindakan itu bukan menjadi tugas Menteri kewangan.

"Saya merujuk kepada ganti rugi kepada Tan Sri Ting Pek Khiing dan Ekran Bhd yang terbabit dalam projek hidroelektrik Bakun. Saya beritahu Perdana Menteri bahawa ia perlu ikut audit yang betul.

"Bila saya enggan ikut arahnya, beliau melihat tindakan saya itu sebagai satu tentangan terhadapnya. Saya juga membantah berhubung kenaikan tol dan penerbitan bon yang dicadangkan oleh Renong Bhd," katanya.

Anwar berkata, Dr Mahathir marah kepadanya kerana membantah pemberian pampasan terhadap Ting dan Ekran serta cadangan Renong itu.

Katanya, keistimewaan projek Bakun itu ialah selain Ting menjadi pemegang saham terbesarnya, Daim juga mempunyai kepentingan menerusi penama dalam Ekran, manakala anak Perdana Menteri sepatutnya menerima kontrak besar dalam projek berkenaan.

Anwar berkata, pihak yang terbabit jika pampasan itu tidak diluluskan ialah Ting, Robert Tan (penama Daim), anak Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud dan anak Perdana Menteri.

Mengenai Renong, Anwar memberitahu mahkamah, syarikat itu dan United Engineers Malaysia Berhad (UEM) yang menjadi penyumbang kepada negara, ditawarkan kepada Daim dan perkara itu dalam pengetahuan Perdana Menteri.

Anwar berkata, perhubungannya dengan Perdana Menteri menjadi tegang ketika kegawatan ekonomi.

Katanya, dalam menangani kegawatan ekonomi itu, Daim bertanggungjawab menghasut Perdana Menteri supaya memecatnya bagi melindungi empayar perniagaan dan salah laku rasuah.

Anwar berkata, Daim berjaya mempengaruhi Dr Mahathir dengan membabitkan kepentingan anak serta rakan-rakan rapat Perdana Menteri.

Katanya, ketika itu dia sudah percaya bahawa Dr Mahathir dan Daim sama-sama mempunyai kepentingan dalam perniagaan serta kontrak yang disebutkannya itu.

(END)